



## **JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**

### **KENYATAAN MEDIA (03 JANUARI 2021)**

#### **1. LAPORAN HARIAN**

Hari ini terdapat **sepuluh (10) kes** positif COVID-19 yang dikesan di Daerah Miri (3), Kuching (2), Sibu (2), Bintulu (2) dan Kapit (1). Ini menjadikan jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 di Sarawak **meningkat kepada 1,140 kes.**

#### **A. Kes Baharu COVID-19**

##### **I. Daerah Kuching: Saringan Kontak Kepada Kes Positif COVID-19: (2 Kes Jangkitan Tempatan)**

**Kes 1,131 dan 1,132** merupakan dua (2) wanita warga tempatan (Sarawak) yang telah menjalani saringan COVID-19 kerana mempunyai kontak rapat dan juga rakan sekerja kepada kes 1,119.

Kedua-dua kes ini telah menjalani saringan COVID-19 di sebuah klinik kesihatan kerajaan pada 02 Januari 2021 dan keputusan ujian rT-PCR mendapati mereka positif pada hari yang sama.

Kedua-dua kes tidak menunjukkan tanda atau gejala dan telah dirujuk dan dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Umum Sarawak untuk rawatan lanjut. Kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan yang telah mendapat jangkitan COVID-19 daripada kes indeks iaitu kes 1,119. Siasatan lanjut kepada kes ini dan pengesanan kontak-kontak lain masih giat dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Bahagian Kuching.

## **II. Daerah Bintulu: Saringan Individu Yang Balik dari Semenanjung Malaysia: (2 Kes Import-B)**

**Kes 1,133 dan 1,134** adalah dua (2) orang warga tempatan (bukan Sarawak) yang telah masuk ke Sarawak melalui Lapangan Terbang Bintulu pada 01 Januari 2021 bagi tujuan bekerja sebagai pengurus penyelenggaraan peralatan di sebuah kilang di Bintulu. Kes 1,134 adalah anak kepada Kes 1,133 yang melakukan perjalanan yang sama dari Selangor melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur.

Kedua-dua kes telah tiba di Lapangan Terbang Bintulu pada 01 Disember 2020 dan telah menjalani saringan COVID-19. Kes-kes juga telah dimasukkan ke pusat kuarantin bagi menjalani arahan kuarantin wajib selama 14 hari. Keputusan ujian rT-PCR kedua-dua kes didapati positif pada 02 Januari 2021.

Kedua-dua kes tidak menunjukkan sebarang tanda atau gejala dan telah dirujuk dan dimasukkan ke Hospital Bintulu untuk rawatan lanjut.

Kes-kes ini dikategorikan sebagai kes Import B iaitu telah mendapat jangkitan semasa masih berada di kawasan berisiko jangkitan COVID-19 iaitu Selangor. Siasatan lanjut dan pengesanan kontak-kontak kepada kes ini sedang dijalankan.

### **III. Daerah Miri: Saringan Individu Yang Mempunyai Kontak Dengan Kes Positif COVID-19: (3 Kes Jangkitan Tempatan)**

**Kes 1,135, 1,136 dan 1,137** adalah tiga (3) orang warga tempatan (Sarawak) yang disaring kerana mempunyai kontak rapat kepada kes 1,116 yang telah dilaporkan pada 31 Disember 2020. Ketiga-tiga kes ini adalah rakan sekerja dan kontak sosial kepada kes indeks iaitu kes 1,116.

Ketiga-tiga kes telah menjalani saringan COVID-19 pada 01 Januari 2021 dan didapati positif pada 02 Januari 2021. Seorang daripada mereka mula mengalami batuk pada 01 Januari 2020 manakala dua (2) orang lagi tidak menunjukkan sebarang tanda atau gejala dan telah dirujuk dan dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Miri untuk rawatan lanjut.

Kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan yang telah mendapat jangkitan COVID-19 daripada kes indeks iaitu kes 1,116. Siasatan lanjut kepada kes ini dan pengesanan kontak-kontak lain masih giat dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Bahagian Miri.

#### **IV. Daerah Sibujaya: Saringan Orang Kena Tahan (OKT) di Penjara: (2 Kes Jangkitan Tempatan)**

**Kes 1,138 dan 1,139** adalah dua (2) orang lelaki warganegara Indonesia yang telah ditangkap dan didapati bersalah kerana telah berada di Sarawak melebihi tempoh. Mereka adalah adik beradik yang telah ditahan pada 09 Disember 2020 di Sibujaya.

Hasil siasatan dan pengakuan daripada kes-kes tersebut, mereka telah berada di Sarawak sejak dua (2) tahun yang lalu dan mereka mengaku tidak pernah balik ke negara asal. Kes 1,138 sebelum ditangkap adalah pemandu lori sampah yang beroperasi di sekitar Sibujaya dan Kanowit manakala kes 1,139 adalah seorang pemotong rumput dan pekerja am yang bekerja di sekitar Sibujaya, Sibujaya.

Kes-kes ini telah ditangkap pada 09 Disember 2020 dan telah ditempatkan di Depo Tahanan Sementara Imigresen bersama 19 OKT yang lain. Semasa dalam tahanan Imigresen, kes-kes ini telah menjalani ujian saringan COVID-19 pada 10 Disember 2020 dan didapati negatif ujian rT-PCR.

Ujian saringan kedua pada 24 Disember 2020 sebelum mereka dimasukkan ke penjara juga didapati negatif ujian rT-PCR COVID-19. Walau bagaimanapun, semasa saringan ketiga semasa di dalam penjara, kedua-dua kes ini telah didapati positif COVID-19 melalui ujian rT-PCR yang telah diambil pada 31 Disember 2020.

Kedua-dua kes ini tidak menunjukkan sebarang tanda atau gejala jangkitan dan kes telah dimasukkan ke wad pengasingan di Hospital Sibu untuk rawatan lanjut.

Berdasarkan siasatan awal dan pengakuan daripada daripada kes-kes tersebut, kedua-dua kes ini adalah kes jangkitan tempatan. Siasatan lanjut kepada kes-kes ini masih dijalankan.

#### **V. Daerah Kapit: Saringan Pekerja Di Tapak Pembinaan: (1 Kes Jangkitan Tempatan)**

**Kes 1,140** merupakan seorang lelaki warganegara Indonesia yang bekerja di sebuah tapak pembinaan jalan raya di Kapit yang telah menjalani saringan COVID-19 pada 31 Disember 2020. Kes ini adalah pekerja yang masuk secara sah dan telah berada di Sarawak sejak tahun 2018 lagi.

Kes bekerja sebagai pekerja am di sebuah syarikat pembinaan tempatan yang membuat projek jalan raya menuju ke Empangan Baleh, Kapit. Kes juga pernah bekerja di Tatau dan Bintulu sebelum bekerja di Kapit.

Kes telah menjalani ujian saringan COVID-19 pada 31 Disember 2020 semasa aktiviti saringan pekerja di tapak pembinaan dan ujian rT-PCR kes ini didapati positif pada 02 Januari 2021. Kes ini tidak menunjukkan sebarang tanda atau gejala jangkitan COVID-19. Kes akan dirujuk dan dimasukkan ke ward pengasingan di Hospital Sibul untuk rawatan lanjut.

Kes ini dikategorikan sebagai kes jangkitan tempatan dan pengesanan dan saringan kepada kontak-kontak lain kepada kes ini sedang giat dijalankan oleh Pejabat Kesihatan Bahagian Kapit.

## **B. Pengisytiharan Kluster Baharu: Kluster Stutong, Daerah Kuching, Serian Dan Lundu.**

Hari ini, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak mengisytiharkan sebuah kluster baharu iaitu **Kluster Stutong** yang melibatkan Daerah Kuching, Serian dan Lundu di Sarawak. Indeks kes kepada kluster ini ialah kes 1,119 yang telah dikesan pada 01 Januari 2021 hasil saringan individu yang bergejala di sebuah hospital swasta di Bandaraya Kuching. Jumlah kes positif melibatkan kluster ini setakat hari ini adalah seramai lima (5) orang termasuk kes indeks.

Sejumlah 51 individu telah disaring, dimana:

- 5 kes dikesan positif COVID-19 (2 kes baharu);
- 24 individu negatif; dan
- 22 individu yang masih menunggu keputusan.

### **C. Kluster Yang Masih Aktif.**

Hari ini terdapat dua (2) kluster COVID-19 yang masih aktif di Sarawak iaitu:

#### **I. Kluster Stutong, Kuching**

Kluster baharu yang diisytiharkan pada hari ini dan seramai lima (5) kes dikesan positif COVID-19 (2 kes baharu).

#### **II. Kluster Mador, Meradong**

Tiada pertambahan kes baharu daripada kluster ini. Jumlah kes positif kekal 8 kes.

### **D. Status Kes Covid-19 Di Dalam Wad Pengasingan Hospital.**

**Tiada** kes baharu yang telah pulih dan dibenarkan discaj pada hari ini. Jumlah keseluruhan kes positif COVID-19 yang telah pulih dan dibenarkan discaj kekal seramai **1,071** orang atau **93.95%** dari jumlah keseluruhan kes COVID-19 di Sarawak.

Jumlah kes yang masih mendapat rawatan dan diasingkan di hospital adalah seramai **48** orang iaitu:

- 16 kes di Hospital Umum Sarawak;
- Tiga belas (13) kes di Hospital Sibul;
- Sepuluh (10) kes di Hospital Miri;
- Lapan (8) kes di Hospital Bintulu; dan
- Satu (1) kes di Hospital Sungai Buloh.

Hari ini, **12 PUI** baru telah dilaporkan dan **satu (1) PUI** yang masih menunggu keputusan ujian makmal.

#### **E. Ringkasan Kes Mengikut Daerah Di Sarawak.**

Hari ini, **Daerah Miri, Sibul dan Kapit telah bertukar status daripada status Hijau kepada status Kuning** setelah tiga (3) jangkitan tempatan baharu yang dikesan di Daerah Miri, dua (2) kes baharu di Daerah Sibul dan satu (1) kes baharu di Daerah Kapit. Daerah Kuching, Meradong, Bintulu dan Lawas juga kekal berstatus Kuning dengan jumlah keseluruhan dua belas (12) kes jangkitan tempatan dilaporkan dalam tempoh 14 hari yang lepas iaitu Kuching (6), Meradong (3), Bintulu (2) dan Lawas (1). Manakala 33 daerah lain kekal berstatus hijau.

#### **2. LAPORAN NOTIS KOMPAUN/AMARAN/SITAAN**

Pihak PDRM telah mengeluarkan **tiga (3) kompaun** di Daerah Samarahan kerana telah melanggar SOP. Manakala pihak Kementerian Kerajaan Tempatan dan Perumahan Sarawak telah mengeluarkan **44 notis** amaran lisan dan bertulis di bawah PBT seliaan mereka iaitu SMC (17), MPP (12), MBKS (7), MD Serian (3), BDA (2), MDMJ (2) dan MPKS (1).

**Stay Vigilant, Stay Safe, Stay Healthy, Save Lives**  
**Jaga Sarawak, Intu Sarawak**

**SEKRETARIAT**  
**JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA NEGERI SARAWAK**  
**03 JANUARI 2021**  
**5.00 PETANG**



**MAKLUMAT TAMBAHAN****1. LAPORAN JABATAN KESIHATAN NEGERI SARAWAK**

<b>Cumm. Positive Cases</b>	<b>1130</b>	<b>Total Cases still in ward</b>	<b>48</b>	<b>4.21%</b>	
<b>New Cases</b>	<b>10</b>	<b>Cases in Intensive Care Unit (ICU)</b>	<b>0</b>	<b>0.00%</b>	
<b>Total Samples by Individu</b>	<b>214,973</b>	<b>Intubated Cases</b>	<b>0</b>	<b>0.00%</b>	
<b>Cumm. Positive Cases</b>	<b>1140</b>	<b>Total Death Cases</b>	<b>19</b>	<b>1.67%</b>	
<b>IR per 100,000 population</b>	<b>36.95</b>	<b>Recovered and discharged cases</b>	<b>1,071</b>	<b>93.95%</b>	
<b>Lab. Results (PUI)</b>	<b>New</b>	<b>Cummulative</b>	<b>New</b>	<b>Cummulative</b>	
<b>Negative</b>	<b>0</b>	<b>10,004</b>	<b>Patient Under Investigation (PUI)</b>	<b>12</b>	<b>11,145</b>
<b>Pending Result</b>	<b>0</b>	<b>1</b>			

<b>Current Status</b>	<b>SGH Kuching</b>	<b>Hospital Sibul</b>	<b>Hospital Bintulu</b>	<b>Hospital Miri</b>	<b>Hospital Sungai Buloh</b>	<b>TOTAL</b>
<b>Patients still in ward</b>	<b>16</b>	<b>13</b>	<b>8</b>	<b>10</b>	<b>1</b>	<b>48</b>
<b>Kes di Intensive Care Unit (ICU)</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
<b>Intubated cases</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
<b>Total Death Cases</b>	<b>17</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>2</b>	<b>0</b>	<b>19</b>
<b>Recovered and discharged cases</b>	<b>New</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>	<b>0</b>
	<b>Cummulative</b>	<b>888</b>	<b>46</b>	<b>50</b>	<b>81</b>	<b>1067</b>
<b>Total re-admission cases (Re-tested Positive)</b>	<b>9</b>	<b>9</b>	<b>3</b>	<b>1</b>	<b>0</b>	<b>22</b>

<b>DAERAH KUNING (7)</b>												
<b>No.</b>	<b>Daerah</b>	<b>Patient Under Investigation</b>		<b>Kes COVID-19</b>		<b>Kes Discaj</b>		<b>Kematian</b>		<b>Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)</b>	<b>Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari</b>	<b>Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari</b>
		<b>Baru</b>	<b>Kum.</b>	<b>Baru</b>	<b>Kum.</b>	<b>Baru</b>	<b>Kum.</b>	<b>Baru</b>	<b>Kum.</b>			
1	Kapit	1	38	1	1	0	0	0	0	1	1	1
2	Sibu	2	139	2	33	0	26	0	0	7	7	2
3	Miri	3	924	3	69	0	59	0	1	9	10	3
4	Meradong	0	39	0	4	0	0	0	0	4	4	3
5	Lawas	0	30	0	12	0	11	0	0	1	1	1
6	Bintulu	2	338	2	59	0	50	0	0	9	9	2
7	Kuching	4	7,536	2	736	0	711	0	12	13	13	5
<b>Jumlah</b>		<b>12</b>	<b>9044</b>	<b>10</b>	<b>914</b>	<b>0</b>	<b>857</b>	<b>0</b>	<b>13</b>	<b>44</b>	<b>45</b>	<b>17</b>

Sumber: **CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**

DAERAH HIJAU (33)												
No.	Daerah	Patient Under Investigation		Kes COVID-19		Kes Discaj		Kematian		Jumlah kes yang masih dalam rawatan (Kes Aktif)	Jumlah kes yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari	Jumlah kes tempatan yang dilaporkan dalam tempoh 14 hari
		Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.	Baru	Kum.			
1	Serian	0	337	0	27	0	27	0	0	0	0	0
2	Lundu	0	262	0	8	0	7	0	0	1	1	0
3	Limbang	0	35	0	13	0	12	0	1	0	0	0
4	Samarahan	0	609	0	116	0	112	0	4	0	0	0
5	Lubok Antu	0	29	0	4	0	4	0	0	0	0	0
6	Bau	0	189	0	7	0	7	0	0	0	0	0
7	Simunjan	0	67	0	8	0	8	0	0	0	0	0
8	Tanjung Manis	0	23	0	1	0	1	0	0	0	0	0
9	Tebedu	0	9	0	4	0	3	0	0	1	1	0
10	Asajaya	0	46	0	7	0	5	0	0	2	2	0
11	Sri Aman	0	57	0	5	0	3	0	1	1	0	0
12	Betong	0	191	0	17	0	16	0	0	1	1	0
13	Mukah	0	48	0	1	0	1	0	0	0	0	0
14	Matu	0	6	0	1	0	1	0	0	0	0	0
15	Sarikei	0	93	0	6	0	6	0	0	0	0	0
16	Saratok	0	28	0	0	0	0	0	0	0	0	0
17	Pusa	0	8	0	0	0	0	0	0	0	0	0
18	Kabong	0	3	0	0	0	0	0	0	0	0	0
19	Julau	0	1	0	0	0	0	0	0	0	0	0
20	Pakan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
21	Kanowit	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
22	Selangau	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
23	Tatau	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
24	Sebauh	0	2	0	0	0	0	0	0	0	0	0
25	Dalat	0	15	0	0	0	0	0	0	0	0	0
26	Daro	0	7	0	1	0	1	0	0	0	0	0
27	Belaga	0	9	0	0	0	0	0	0	0	0	0
28	Song	0	5	0	0	0	0	0	0	0	0	0
29	Bukit Mabong	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
30	Marudi	0	13	0	0	0	0	0	0	0	0	0
31	Subis	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
32	Beluru	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
33	Telang Usan	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0	0
<b>Jumlah</b>		<b>0</b>	<b>2,101</b>	<b>0</b>	<b>226</b>	<b>0</b>	<b>214</b>	<b>0</b>	<b>6</b>	<b>6</b>	<b>5</b>	<b>0</b>
<b>Jumlah Besar</b>		<b>12</b>	<b>11,145</b>	<b>10</b>	<b>1,140</b>	<b>0</b>	<b>1,071</b>	<b>0</b>	<b>19</b>	<b>50</b>	<b>50</b>	<b>17</b>

Sumber : CPRC, Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak

## 2. LAPORAN ANGKATAN PERTAHANAN AWAM (APM)

Hari ini, seramai **555 Person Under Surveillance (PUS)** telah mendaftar masuk di hotel untuk menjalani kuarantin, menjadikan jumlah keseluruhan PUS di **43 buah hotel dan SC Bukan Hotel** adalah seramai **3,732 orang**. Manakala seramai **47,471 PUS** telah tamat menjalani tempoh kurantin.

(Data sehingga 03.01.2021 @ 8.00 pagi)

BIL	BAHAGIAN	HOTEL	BILANGAN PUS
1	<b>Kuching (2,048)</b>	Hock Lee	101
2		Kuching Park	116
3		Pullman	208
4		Hilton	262
5		Harbour View	109
6		Riverside (Astana Wing)	180
7		Grand Margherita	285
8		Imperial Boulevard	248
9		Tune Hotel	24
10		Dormani Hotel	27
11		Grand Continental	147
12		Meritin	50
13		Longhouse	66
14		Abell	49
15		Lot 10	47
16		Telang Usan	30
17		Imperial Riverbank	99
18	<b>Miri (863)</b>	Mega Hotel	113
19		Somerset	44
20		Imperial Palace	105
21		Eastwood Valley	66
22		Imperial New Wing	98
23		Paragon	55
24		Meritz	156
25		Miri	28
26		Dynasty	145
27		Kenyalang Suite	15
28		Citi Hotel	21
29	Nova	17	
30	<b>Bintulu (313)</b>	Wasan Inn	32
31		Fairfield by Marriot	81
32		Kidurong Inn	40
33		Motel Kapok	70
34		Faber Inn	6
35		AA Inn	18
36		Ambassador	66
37	<b>Limbang (111)</b>	Purnama	31
38		Seri Malaysia (Lawas)	61
39		Mandarin (Lawas)	19
40	<b>Sibu (228)</b>	Premier	228
41	<b>Samarahan (148)</b>	INFRA	68
42		Kolej Rafflesia, UNIMAS	80
43	<b>Sarikei (21)</b>	Garden Hotel	21
<b>Jumlah PUS</b>			<b>3,732</b>

### 3. LAPORAN JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT NEGERI SARAWAK (JBPM)

Hari ini, sebanyak **dua (2) lokasi di Kuching (1) dan Miri (1)** operasi nyahcemar telah dilakukan dan menjadikan bilangan kumulatif di Sarawak adalah **2,130 lokasi** seperti berikut:

(Data sehingga 03.01.2021 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>OPERASI SEMASA</b>	<b>OPERASI TERKUMPUL</b>
<b>1</b>	<b>Kuching</b>	<b>1</b>	<b>717</b>
<b>2</b>	<b>Miri</b>	<b>1</b>	<b>440</b>
3	Sibu	TIADA	201
4	Samarahan	TIADA	139
5	Sarikei	TIADA	122
6	Bintulu	TIADA	121
7	Limbang	TIADA	98
8	Serian	TIADA	72
9	Betong	TIADA	60
10	Sri Aman	TIADA	54
11	Kapit	TIADA	54
12	Mukah	TIADA	52
<b>Jumlah Keseluruhan</b>			<b>2,130</b>

#### **4. LAPORAN KEMENTERIAN KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN SARAWAK**

Hari ini, sebanyak **30 lokasi** operasi nyahcemar telah dilakukan seperti berikut:

(Data sehingga 03.01.2021 @ 8.00 pagi)

<b>BIL</b>	<b>BAHAGIAN</b>	<b>LOKASI</b>
1	MP Padawan	2
2	MD Serian	3
3	SMC	9
4	MCC	13
5	MD Marudi	3
<b>Jumlah</b>		<b>30</b>